

**FAQ UMUM BAGI PELARASAN TARIF BEKALAN AIR DI BAWAH MEKANISME  
PENETAPAN TARIF (TARIFF SETTING MECHANISM [TSM])**

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah kadar tarif air baru bagi setiap negeri setelah pelarasan tarif bekalan air dilaksanakan?	Kadar tarif air baru bagi setiap negeri boleh dirujuk melalui Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Pindaan) 2025 negeri masing-masing yang boleh dicapai di laman sesawang SPAN iaitu <a href="https://www.span.gov.my/article/view/peraturan">https://www.span.gov.my/article/view/peraturan</a> .
2.	Bilakah kadar tarif air baru berkuatkuasa?	Kadar tarif air baru berkuatkuasa bermula 1 Ogos 2025.
3.	Bagaimanakah proses permohonan dan kelulusan pelarasan tarif bekalan air dibuat?	Proses permohonan dan kelulusan pelarasan tarif bekalan air adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>Permohonan pelarasan tarif bekalan air oleh operator air dengan persetujuan Kerajaan Negeri kepada SPAN untuk penelitian dan semakan;</li> <li>Pengesyoran cadangan pelarasan tarif bekalan air oleh SPAN kepada Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) untuk pertimbangan dan persetujuan; dan</li> <li>Pembentangan cadangan pelarasan tarif bekalan air dalam Mesyuarat Jemaah Menteri (Kabinet) untuk kelulusan kerana ia melibatkan peningkatan kos sara hidup.</li> </ol>
4.	Kenapa pelarasan tarif bekalan air perlu dilaksanakan bagi tujuan berikut:	Pelarasan tarif bekalan air perlu dilaksanakan bagi tujuan berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li><b>Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memastikan rakyat menerima air terawat yang berkualiti dan memenuhi piawaian ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan</li> <li>Menampung kos penyediaan perkhidmatan bekalan air seperti tenaga, bahan kimia, penyenggaraan dan khidmat pelanggan.</li> </ol> </li> <li><b>Memenuhi Permintaan Bekalan Air</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memenuhi peningkatan permintaan air tahunan di antara 2% hingga 6% melalui pembinaan loji rawatan air (LRA); dan</li> <li>Menyokong pertumbuhan pembangunan negara.</li> </ol> </li> </ol>

Bil.	Soalan	Jawapan
		<p>iii. <b>Menaiktaraf &amp; Membaih Pulih Aset Uzur</b></p> <p>a. Menaiktaraf dan membaik pulih aset bekalan air sedia ada antaranya menyelesaikan isu sebanyak 98 daripada 350 LRA beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk dan 120 LRA hadapi isu pengoperasian; dan</p> <p>b. Menggantikan paip usang dan membaiki kebocoran untuk mengurangkan kadar air tidak terhasil (NRW).</p> <p>iv. <b>Menghadapi Cabaran Perubahan Iklim</b></p> <p>a. Meminimumkan gangguan bekalan air semasa kemarau/banjir; dan</p> <p>b. Memastikan operator air sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi cabaran perubahan iklim.</p>
5.	Siapakah yang terkesan dengan pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2025?	<p>Pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air akan melibatkan semua kategori pengguna seperti di bawah:</p> <p>i. <b>Domestik (Meter Individu)</b> Bekalan air melalui meter individu atau meter petak ke premis kediaman atau unit kediaman</p> <p>ii. <b>Bukan Domestik</b> Premis komersial, premis industri, premis perdagangan, premis perniagaan, premis kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, hospital, perusahaan pemprosesan air (termasuk kios air), perladangan dan perkebunan</p> <p>iii. <b>Domestik (Meter Pukal)</b> Bekalan air melalui meter pukal ke bangunan kediaman bertingkat tinggi, komuniti berpagar, premis kediaman, unit kediaman, kuarters estet dan kuarters kerajaan</p> <p>iv. <b>Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan</b> Rumah ibadat yang pembinaannya diluluskan oleh kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau pengoperasiannya diluluskan oleh badan keagamaan berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk memberikan kelulusan bagi rumah ibadat</p> <p>Institusi kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang diberikan pengecualian cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebuah institusi kebajikan</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
		<p>v. <b>Perkapalan</b> Bekalan air untuk kegunaan di atas kapal yang berlabuh di pelabuhan</p> <p>vi. <b>Pusat Data (Kategori baru di bawah Struktur Tarif TSM)</b> Premis yang digunakan secara khusus untuk menempatkan peralatan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi secara berpusat bagi maksud mengurus data termasuk menyimpan, mengumpul, memproses atau mengagih data</p> <p><b>Nota:</b> Perincian pelarasan tarif bekalan air bagi setiap negeri boleh dirujuk melalui Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Pindaan) 2025 yang juga boleh dicapai di laman sesawang SPAN iaitu <a href="https://www.span.gov.my/article/view/peraturan">https://www.span.gov.my/article/view/peraturan</a>.</p>
6.	Berapakah kadar pelarasan tarif bekalan air bagi setiap negeri?	<p>i. Purata pelarasan tarif bekalan air bagi kategori Domestik dan Bukan Domestik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan adalah masing-masing sebanyak <b>23 sen</b> dan <b>76 sen</b> bagi setiap meter padu;</p> <p>ii. Pengguna kategori Domestik akan mengalami <b>pelarasan bil dalam julat 0 sen hingga RM3.20 sebulan</b> atau <b>0 sen hingga 11 sen sehari bagi penggunaan isi rumah sebanyak 20m<sup>3</sup> sebulan</b> hasil daripada pelarasan tarif bekalan air. Sebanyak 49.0% pengguna kategori Domestik menggunakan air kurang daripada 20m<sup>3</sup> sebulan;</p> <p>iii. Pengguna kategori Bukan Domestik akan mengalami <b>pelarasan bil dalam julat RM4.90 hingga RM39.55 sebulan</b> atau <b>16 sen hingga RM1.32 sehari bagi penggunaan bulanan sebanyak 35m<sup>3</sup></b> hasil daripada pelarasan tarif bekalan air. Caj elektrik yang dikenakan adalah pada kadar yang sama untuk semua kategori pengguna di mana kadar tersebut adalah berbeza-beza mengikut negeri iaitu <b>dalam julat 0 sen hingga 8 sen bagi setiap meter padu</b>. Sebanyak 74.0% pengguna</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
		<p>kategori Bukan Domestik menggunakan air kurang daripada <math>35m^3</math> sebulan; dan</p> <p>iv. Pengguna boleh menggunakan kalkulator bil yang disediakan di laman sesawang operator air negeri masing-masing bagi mendapatkan anggaran bil air di bawah tarif terkini.</p>
7.	Berapakah purata tarif air baru dan purata kos bagi penyediaan perkhidmatan bekalan air oleh operator air kepada pengguna?	<p>Purata tarif air baru di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan selepas pelarasan tarif adalah RM2.21/m<sup>3</sup>. Manakala purata kos keseluruhan bagi penyediaan perkhidmatan bekalan air adalah RM2.43/m<sup>3</sup>.</p> <p>Pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air di bawah TSM bagi Tempoh Pelaksanaan Kedua (TP2) masih belum mencukupi untuk menampung kos keseluruhan bagi penyediaan perkhidmatan bekalan air.</p> <p>Pelarasan tarif bekalan air akan dilaksanakan secara berperingkat supaya tidak membebankan pengguna sehingga operator air mencapai pemulihran kos penuh.</p>
8.	Mengapa pelarasan tarif bekalan air TP2 perlu dilaksanakan sedangkan pelarasan tarif bekalan air tempoh pelaksanaan pertama (TP1) baru sahaja dilaksanakan pada 1 Februari 2024?	<p>i. Pelarasan tarif bekalan air TP1 pada tahun 2020 telah ditangguhkan pelaksanaannya pada 1 Ogos 2022 bagi kategori Bukan Domestik, manakala pada 1 Februari 2024 bagi kategori Domestik. Penangguhan pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air telah mengakibatkan pendapatan operator air tidak mencukupi untuk menampung kos keseluruhan perkhidmatan bekalan air.</p> <p>ii. Pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air TP2 perlu berlaku pada tahun 2025 bagi membolehkan operator air menampung kos penyediaan perkhidmatan bekalan air bagi 3 tahun berikutnya (2026 hingga 2028) selaras dengan konsep TSM.</p> <p>iii. Pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air secara berperingkat penting bagi mengurangkan impak pelarasan tarif air yang signifikan kepada pengguna.</p>
9.	Adakah kadar tarif air sama bagi semua negeri?	Tidak. Kadar tarif air berbeza untuk setiap negeri disebabkan <b>kos untuk operator air menawarkan perkhidmatannya serta keperluan pembangunan infrastruktur di negeri masing-masing adalah berbeza</b> . Di samping itu, hutang dan liabiliti

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>							
		terdahulu yang perlu ditanggung oleh operator air masing-masing juga berbeza.							
10.	Apakah konsep yang digunakan dalam penetapan tarif bekalan air?	<p>Tarif bekalan air di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan ditetapkan berdasarkan <b>TSM</b> yang dibangunkan oleh SPAN. Pelarasan tarif bekalan air adalah mengikut tempoh pelaksanaan yang mana pelarasan tarif terkini adalah bagi TP2. Berikut adalah konsep TSM:</p> <table border="1"> <tr> <td>Apa</td><td>Instrumen yang digunakan bagi menetapkan tarif yang adil dan telus untuk industri perkhidmatan air dengan kaedah penetapan tarif dengan struktur dan kekerapan semakan tarif yang seragam</td></tr> <tr> <td>Bagaimana</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penyeragaman struktur tarif air sedia ada kepada kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu) dan Bukan Domestik serta kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, Domestik (Meter Pukal), Perkapalan dan Pusat Data;</li> <li>b. Penyeragaman komponen kos tarif yang perlu ditampung oleh setiap kategori dan jalur penggunaan;</li> <li>c. Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum berdasarkan had penggunaan (<i>consumption threshold</i>) sebanyak 10 meter padu (<math>m^3</math>);</li> <li>d. Pelarasan tarif bekalan air dilaksanakan setiap 3 tahun;</li> <li>e. Pelepasan caj elektrik yang ditetapkan berdasarkan Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (<i>Automatic Fuel Adjustment – [AFA]</i>)* yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik kepada operator air bagi tahun yang sebelumnya.</li> </ul> </td></tr> <tr> <td>Hasil</td><td>Kemapunan industri dan perkhidmatan bekalan air yang efisien kepada pengguna</td></tr> </table>		Apa	Instrumen yang digunakan bagi menetapkan tarif yang adil dan telus untuk industri perkhidmatan air dengan kaedah penetapan tarif dengan struktur dan kekerapan semakan tarif yang seragam	Bagaimana	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penyeragaman struktur tarif air sedia ada kepada kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu) dan Bukan Domestik serta kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, Domestik (Meter Pukal), Perkapalan dan Pusat Data;</li> <li>b. Penyeragaman komponen kos tarif yang perlu ditampung oleh setiap kategori dan jalur penggunaan;</li> <li>c. Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum berdasarkan had penggunaan (<i>consumption threshold</i>) sebanyak 10 meter padu (<math>m^3</math>);</li> <li>d. Pelarasan tarif bekalan air dilaksanakan setiap 3 tahun;</li> <li>e. Pelepasan caj elektrik yang ditetapkan berdasarkan Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (<i>Automatic Fuel Adjustment – [AFA]</i>)* yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik kepada operator air bagi tahun yang sebelumnya.</li> </ul>	Hasil	Kemapunan industri dan perkhidmatan bekalan air yang efisien kepada pengguna
Apa	Instrumen yang digunakan bagi menetapkan tarif yang adil dan telus untuk industri perkhidmatan air dengan kaedah penetapan tarif dengan struktur dan kekerapan semakan tarif yang seragam								
Bagaimana	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penyeragaman struktur tarif air sedia ada kepada kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu) dan Bukan Domestik serta kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, Domestik (Meter Pukal), Perkapalan dan Pusat Data;</li> <li>b. Penyeragaman komponen kos tarif yang perlu ditampung oleh setiap kategori dan jalur penggunaan;</li> <li>c. Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum berdasarkan had penggunaan (<i>consumption threshold</i>) sebanyak 10 meter padu (<math>m^3</math>);</li> <li>d. Pelarasan tarif bekalan air dilaksanakan setiap 3 tahun;</li> <li>e. Pelepasan caj elektrik yang ditetapkan berdasarkan Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (<i>Automatic Fuel Adjustment – [AFA]</i>)* yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik kepada operator air bagi tahun yang sebelumnya.</li> </ul>								
Hasil	Kemapunan industri dan perkhidmatan bekalan air yang efisien kepada pengguna								
	Nota:	<p>* AFA telah mengantikan surcaj pelepasan kos tidak berimbang [<i>Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)</i>] yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2025</p>							

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>																												
11.	Apakah struktur tarif di bawah TSM dan bagaimana penetapan bekalan air dibuat?	<p>Struktur tarif di bawah TSM terbahagi kepada 2 kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu) dan Bukan Domestik serta 4 kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, Domestik (Meter Pukal), Perkapalan dan Pusat Data.</p> <p>Setiap kategori mempunyai jalur dan komponen kos yang ditampung di bawah setiap jalur masing-masing seperti dalam jadual di bawah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2"><b>Komponen Kos Tarif TSM</b></th></tr> <tr> <th><b>Jalur (m<sup>3</sup>)</b></th> <th><b>Komponen Kos Tarif</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2"><b>Kategori Domestik (Meter Individu)</b></td></tr> <tr> <td>0 – 20 m<sup>3</sup></td> <td>OPEX + *Caj Elektrik</td></tr> <tr> <td>&gt;20 – 35 m<sup>3</sup></td> <td>OPEX + CAPEX + *Caj Elektrik</td></tr> <tr> <td>&gt;35 m<sup>3</sup></td> <td>OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar</td></tr> <tr> <td colspan="2"><b>Kategori Bukan Domestik</b></td></tr> <tr> <td>0 – 35 m<sup>3</sup></td> <td>OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik</td></tr> <tr> <td>&gt;35 m<sup>3</sup></td> <td>OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar</td></tr> <tr> <td colspan="2"><b>Kategori Khas</b></td></tr> <tr> <td>Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan</td> <td>OPEX + *Caj Elektrik</td></tr> <tr> <td>Domestik (Meter Pukal)</td> <td>OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik</td></tr> <tr> <td>Perkapalan</td> <td>OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar</td></tr> <tr> <td>Pusat Data</td> <td>OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar</td></tr> </tbody> </table> <p><b>Nota:</b></p> <p>OPEX: Perbelanjaan operasi</p> <p>CAPEX: Perbelanjaan modal</p> <p>* Caj elektrik merupakan kos yang dilepaskan kepada pengguna bagi membolehkan operator air untuk mengatasi perubahan kos AFA</p> <p># Kos Alam Sekitar merupakan kos pemuliharaan kawasan tadahan air. Kos ini belum diambil kira dalam pengiraan tarif</p>	<b>Komponen Kos Tarif TSM</b>		<b>Jalur (m<sup>3</sup>)</b>	<b>Komponen Kos Tarif</b>	<b>Kategori Domestik (Meter Individu)</b>		0 – 20 m <sup>3</sup>	OPEX + *Caj Elektrik	>20 – 35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + *Caj Elektrik	>35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar	<b>Kategori Bukan Domestik</b>		0 – 35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik	>35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar	<b>Kategori Khas</b>		Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan	OPEX + *Caj Elektrik	Domestik (Meter Pukal)	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik	Perkapalan	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar	Pusat Data	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar
<b>Komponen Kos Tarif TSM</b>																														
<b>Jalur (m<sup>3</sup>)</b>	<b>Komponen Kos Tarif</b>																													
<b>Kategori Domestik (Meter Individu)</b>																														
0 – 20 m <sup>3</sup>	OPEX + *Caj Elektrik																													
>20 – 35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + *Caj Elektrik																													
>35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar																													
<b>Kategori Bukan Domestik</b>																														
0 – 35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik																													
>35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar																													
<b>Kategori Khas</b>																														
Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan	OPEX + *Caj Elektrik																													
Domestik (Meter Pukal)	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik																													
Perkapalan	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar																													
Pusat Data	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar																													

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
		di bawah TSM memandangkan mekanisme pelaksanaan sedang diperhalusi
12.	Mengapakah kategori pusat data diwujudkan dan bukannya di bawah kategori Bukan Domestik?	<p>Pengenalan tarif khas bagi pusat data sebagai satu kategori khusus adalah untuk memastikan keperluan pusat data dipenuhi di bawah TSM. Tarif pusat data:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membolehkan operator air menampung kos bagi membiayai kos CAPEX pembangunan infrastruktur sistem bekalan air untuk memenuhi permintaan air pusat data serta kos OPEX tanpa membebankan pengguna air lain; dan</li> <li>ii. Menggalakkan pemaju pusat data menggunakan sumber air alternatif seperti air yang dipulih guna dan air laut sebagai sumber utama bekalan air berbanding air terawat yang dibekalkan oleh operator air.</li> </ul>
13.	Apakah manfaat pelarasan tarif bekalan air kepada pengguna?	<p>Manfaat pelarasan tarif air kepada pengguna seperti berikut</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. pengguna akan dapat menikmati air secara berterusan, bersih dan selamat untuk digunakan dengan pembangunan infrastruktur sistem bekalan air;</li> <li>ii. penurunan dalam insiden gangguan bekalan air dengan penggantian aset-aset yang uzur dan penyenggaraan berkala;</li> <li>iii. aduan pengguna dapat diselesaikan dengan lebih cekap dengan penggunaan teknologi dan inovasi; dan</li> <li>iv. liputan bekalan air dapat dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan pengguna; dan</li> <li>v. peningkatan khidmat pelanggan seperti pembayaran bil melalui aplikasi.</li> </ul> <p>Peningkatan perkhidmatan dapat dirasai melalui penyiapan projek-projek infrastruktur bekalan air yang memerlukan masa.</p>
14.	Bagaimana tambahan pendapatan tarif air dibelanjakan?	Tambahan pendapatan tarif air akan dibelanjakan bagi tujuan peningkatan infrastruktur bekalan air. Perincian perancangan pelaksanaan projek infrastruktur bekalan air boleh didapatkan melalui laman sesawang SPAN ( <a href="https://www.span.gov.my">https://www.span.gov.my</a> ) dan operator air masing-masing.
15.	Apakah kesan pelarasan tarif bekalan air kepada golongan	Implikasi pelarasan tarif ke atas bil air adalah kecil bagi pengguna kategori Domestik. Ianya bagi membantu golongan kurang berkemampuan, malahan majoriti operator air juga turut memberikan bantuan secara bersasar. Pengguna boleh

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>																																		
	kurang berkemampuan?	merujuk kepada operator air masing-masing bagi mendapat maklumat berhubung bantuan yang diberikan.																																		
16.	Bagaimana pengguna boleh menjimatkan dan menguruskan penggunaan air?	<p>Pengguna kategori Domestik boleh menjimatkan dan menguruskan penggunaan air melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. membaiki kebocoran paip dalam premis/rumah;</li> <li>ii. menggunakan produk cekap air;</li> <li>iii. menggunakan air alternatif seperti air hujan bagi tujuan cuci kereta, siram tanaman dan membersihkan halaman;</li> </ul> <p>Pengguna kategori Bukan Domestik boleh menjimatkan dan menguruskan penggunaan air melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. penggunaan air alternatif seperti air dipulih guna dan penuaian air hujan;</li> <li>ii. penggunaan semula air; dan</li> <li>iii. menggunakan produk cekap air.</li> </ul>																																		
17.	Berapakah purata perbelanjaan isi rumah sebulan bagi bil utiliti utama?	<p>Purata perbelanjaan isi rumah sebulan ke atas bil air adalah 9%, kedua terendah selepas bil pembetungan iaitu 4% jika dibandingkan dengan utiliti utama lain sebagaimana di jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Bil.</b></th><th><b>Utiliti</b></th><th><b>Purata Perbelanjaan Sebulan (RM)</b></th><th><b>Peratus Dari Perbelanjaan Sebulan</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Air</td><td>28.20 [ 20m<sup>3</sup> pada purata tarif Domestik RM1.41/m<sup>3</sup> ]</td><td>9%</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pembetungan</td><td>12.00</td><td>4%</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Elektrik</td><td>100.00</td><td>34%</td></tr> <tr> <td>4.</td><td>Komunikasi</td><td>50.00</td><td>17%</td></tr> <tr> <td>5.</td><td>Saluran TV Berbayar</td><td>40.00</td><td>13%</td></tr> <tr> <td>6.</td><td>Internet</td><td>79.00</td><td>27%</td></tr> <tr> <td colspan="2"><b>JUMLAH</b></td><td><b>309.20</b></td><td><b>100%</b></td></tr> </tbody> </table>			<b>Bil.</b>	<b>Utiliti</b>	<b>Purata Perbelanjaan Sebulan (RM)</b>	<b>Peratus Dari Perbelanjaan Sebulan</b>	1.	Air	28.20 [ 20m <sup>3</sup> pada purata tarif Domestik RM1.41/m <sup>3</sup> ]	9%	2.	Pembetungan	12.00	4%	3.	Elektrik	100.00	34%	4.	Komunikasi	50.00	17%	5.	Saluran TV Berbayar	40.00	13%	6.	Internet	79.00	27%	<b>JUMLAH</b>		<b>309.20</b>	<b>100%</b>
<b>Bil.</b>	<b>Utiliti</b>	<b>Purata Perbelanjaan Sebulan (RM)</b>	<b>Peratus Dari Perbelanjaan Sebulan</b>																																	
1.	Air	28.20 [ 20m <sup>3</sup> pada purata tarif Domestik RM1.41/m <sup>3</sup> ]	9%																																	
2.	Pembetungan	12.00	4%																																	
3.	Elektrik	100.00	34%																																	
4.	Komunikasi	50.00	17%																																	
5.	Saluran TV Berbayar	40.00	13%																																	
6.	Internet	79.00	27%																																	
<b>JUMLAH</b>		<b>309.20</b>	<b>100%</b>																																	

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>																																							
18.	Adakah kadar tarif air di Malaysia tinggi berbanding dengan negara-negara lain?	<p>Kadar tarif air bagi setiap meter padu di Malaysia adalah antara yang terendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia seperti di jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Negara</b></th><th><b>Kadar Tarif Bagi Setiap Meter Padu (USD/m<sup>3</sup>)</b></th><th><b>Kadar Tarif Bagi Setiap Meter Padu (RM/m<sup>3</sup>)</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Myanmar (Yangon)</td><td>0.02</td><td>0.09</td></tr> <tr> <td>Brunei</td><td>0.08</td><td>0.34</td></tr> <tr> <td>Indonesia (Jakarta)</td><td>0.46</td><td>1.96</td></tr> <tr> <td>Malaysia (K.Lumpur)</td><td>0.33</td><td>1.41</td></tr> <tr> <td>Vietnam (Ho Chi Minh City)</td><td>0.24</td><td>1.02</td></tr> <tr> <td>Thailand (Bangkok)</td><td>0.25</td><td>1.06</td></tr> <tr> <td>Philippines (Manila)</td><td>0.71</td><td>3.02</td></tr> <tr> <td>South Korea (Seoul)</td><td>0.53</td><td>2.25</td></tr> <tr> <td>Singapore</td><td>1.25</td><td>5.31</td></tr> <tr> <td>Japan (Tokyo)</td><td>1.03</td><td>4.38</td></tr> <tr> <td>New Zealand (Aukland)</td><td>1.09</td><td>4.63</td></tr> <tr> <td>Australia</td><td>4.00</td><td>17.00</td></tr> </tbody> </table> <p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kadar tarif air bagi Malaysia merujuk kepada purata tarif Domestik (selepas pelarasan tarif yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025) bagi <b>penggunaan 20m<sup>3</sup> pertama</b> di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan;</li> <li>ii. Kadar tarif air bagi negara-negara lain merujuk kepada The International Benchmarking Network for Water and Sanitation Utilities (IBNET) (<a href="https://tariffs.ib-net.org/sites">https://tariffs.ib-net.org/sites</a>) yang diakses pada 1 Julai 2025 (merujuk kepada penggunaan 15m<sup>3</sup> pertama bagi bandar utama mengikut negara), (1 USD = RM4.25)</li> </ul>	<b>Negara</b>	<b>Kadar Tarif Bagi Setiap Meter Padu (USD/m<sup>3</sup>)</b>	<b>Kadar Tarif Bagi Setiap Meter Padu (RM/m<sup>3</sup>)</b>	Myanmar (Yangon)	0.02	0.09	Brunei	0.08	0.34	Indonesia (Jakarta)	0.46	1.96	Malaysia (K.Lumpur)	0.33	1.41	Vietnam (Ho Chi Minh City)	0.24	1.02	Thailand (Bangkok)	0.25	1.06	Philippines (Manila)	0.71	3.02	South Korea (Seoul)	0.53	2.25	Singapore	1.25	5.31	Japan (Tokyo)	1.03	4.38	New Zealand (Aukland)	1.09	4.63	Australia	4.00	17.00
<b>Negara</b>	<b>Kadar Tarif Bagi Setiap Meter Padu (USD/m<sup>3</sup>)</b>	<b>Kadar Tarif Bagi Setiap Meter Padu (RM/m<sup>3</sup>)</b>																																							
Myanmar (Yangon)	0.02	0.09																																							
Brunei	0.08	0.34																																							
Indonesia (Jakarta)	0.46	1.96																																							
Malaysia (K.Lumpur)	0.33	1.41																																							
Vietnam (Ho Chi Minh City)	0.24	1.02																																							
Thailand (Bangkok)	0.25	1.06																																							
Philippines (Manila)	0.71	3.02																																							
South Korea (Seoul)	0.53	2.25																																							
Singapore	1.25	5.31																																							
Japan (Tokyo)	1.03	4.38																																							
New Zealand (Aukland)	1.09	4.63																																							
Australia	4.00	17.00																																							
19.	Apakah mekanisme pengawalseliaan yang dilaksanakan ke atas operator air?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mekanisme pengawalseliaan adalah selaras dengan peruntukan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan perundangan subsidiarinya. Pengawalseliaan pemilik asset sistem bekalan air awam dan pengendali sistem bekalan air awam dilaksanakan menerusi lesen individu yang dikeluarkan. Pemegang lesen individu dikehendaki untuk mematuhi syarat lesen yang ditetapkan termasuk petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan Menteri.</li> <li>ii. Pemantauan akan dibuat oleh SPAN dari semasa ke semasa dalam memastikan pemegang lesen dapat</li> </ul>																																							

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
		<p>mencapai KPI yang ditetapkan. Antara parameter KPI yang dipantau oleh SPAN termasuk kualiti air, NRW, liputan bekalan air, tekanan air, kecekapan kutipan dan perkhidmatan pelanggan. SPAN juga akan menilai dan meluluskan rancangan perniagaan (BP) pemegang lesen dan pemantauan yang dibuat mencakupi aspek kewangan dan teknikal pemegang lesen.</p>